

TARIKH	18 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	24	RUANGAN	SETEMPO

300 riyal Saudi mencukupi

KELANA JAYA: Jemaah haji musim ini disarankan tidak membawa wang dalam jumlah yang banyak ketika berada di Tanah Suci Makkah.

Timbalan Pengarah Tabung Haji Negeri, Mohd Rafidi Ibrahim berkata, se- elok-eloknya jemaah mempunyai wang 300 riyal Saudi saja sebagai bekalan, manakala jika terdapat wang lebih mereka digalakkan menyimpan ke akaun Tabung Haji.

"Wang yang disimpan boleh dikeluarkan di Tanah Suci dalam bentuk mata

wang riyal Saudi sekiranya terdapat keperluan perbelanjaan di sana.

"Malah kaunter pengeluaran wang juga disediakan di setiap hotel penginapan jemaah di Makkah bagi memudahkan jemaah melakukan transaksi," katanya.

Menurutnya, jemaah juga tidak perlu risau mengenai perbelanjaan ketika berada di sana kerana kemudahan makan dan minum disediakan pihaknya.

Mohd Rafidi berkata, bagi mengelakkan kehilangan duit, jemaah diminta melakukan transaksi simpa-

nan wang sebelum berangkat ke Tanah Suci kerana Tabung Haji (TH) turut menyediakan kemudahan berkenaan di Stesen Operasi Haji.

"Pihak kami bekerjasama dengan Bank Islam (M) Berhad menawarkan kemudahan terbabit bagi membolehkan jemaah haji pergi dalam keadaan serba lengkap.

"Dua kaunter dibuka sepanjang masa mengikut waktu penerangan berdekatan khemah menunggu dan dalam dewan berlepas," katanya.